

Headline	Kemelut penghidap HIV AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	18,19	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,151
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,453



Kemelut penghidap HIV/AIDS

► Oleh Norrasyidah Arshad
bhnita@bharian.com.my

STIGMA buruk masyarakat terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS (OHDA) ketika ini masih tinggi dan ia banyak memberi kesan negatif terhadap golongan itu sendiri.

Bagi golongan ini, menghidap satu penyakit yang masih belum ada penawar sudah cukup memberi makna derita tetapi kata-kata kesat dan pandangan hina masyarakat sekeliling terhadap mereka menambah pedih di hati.

Sememangnya bergelar OHDA adalah satu tamparan besar dalam hidup penghidapnya. Virus yang digeruni ramai ini menjadikan stigma masyarakat terhadap HIV/AIDS terlalu tebal sehingga sukar untuk mengikis tanggapan negatif terhadap golongan OHDA.

Ramai yang mengakui bukan mudah untuk menerima OHDA dalam hidup mereka.

Atas kesedaran itu, Institut Sosial Malaysia (ISM) mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Intervensi HIV/AIDS bagi menyedarkan masyarakat betapa stigma buruk boleh menyebabkan OHDA berasa rendah diri dan tidak yakin dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Seminar sehari yang dihadiri lebih 250 peserta daripada organisasi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi awam serta swasta itu bertujuan memberi pemahaman dan kesedaran kepada peserta mengenai gejala

yang membawa maut itu.

Ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran kerja sosial dan kaunseling bagi mencegah dan mengatasi isu berkaitan OHDA selain memberi pendedahan kes sebenar bagi mening-

katkan keyakinan diri peserta dalam membantu golongan terbahit.

Pengurus Latihan dan peningkatan Kapasiti ISM, Zamzuri Abdul Malik, berkata sejak dulu, masyarakat sudah ada satu pemikiran buruk terhadap OHDA, malah "merasakan mereka tidak sepatutnya dibiarkan hidup dalam masyarakat.

"Pemikiran negatif masyarakat terhadap golongan ini agak sukar dibuang malah mereka menganggap OHDA sebagai jahat. Di kampung dan pedalaman, masyarakat mempunyai stigma yang lebih negatif.

"Pemikiran buruk itu bukan saja dimonopoli Melayu, malah kaum lain seperti Cina dan India berfikir sama terhadap OHDA," katanya.

Berdasarkan pengalaman bertemu dan berkawan dengan OHDA berbangsa Cina, Zamzuri berkata, ada kalangan mereka dihalau keluar rumah dan dibuang keluarga selepas keluarga mendapat tahu mereka menghidap AIDS.

"Semua manusia tidak kira bangsa apa pun, mereka tetap beranggapan golongan ini jahat dan boleh menjatuhkan martabat keluarga.

"Justeru, kita patut menyedarkan masyarakat dan

membuang stigma negatif itu bagi membolehkan OHDA hidup seperti manusia lain dan tidak berasa diri tidak diperlukan lagi," katanya.

Beliau mengakui ada sege-lintir OHDA mengambil jalan mudah dengan membunuh diri selepas mengetahui diri menghidap penyakit itu dan dipinggirkan keluarga.

Zamzuri turut berkongsi ilmu mengenai lima faktor yang menjadi punca seseorang dijangkiti HIV iaitu air mani, air mazi, darah, susu ibu dan air faraj.

Berkongsi pengalaman hidup dalam seminar itu, seorang OHDA, Mohamad Raffie Jaafar, berkata golongan sepertinya sentiasa dipinggirkan dan ditakuti masyarakat untuk berdamping.

Mohamad Raffie, 41, sanggup membuka pekung sendiri serta berkongsi pengalaman peribadi malah rela mengorbankan ego lelakinya dan berdiri di atas pentas untuk menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya OHDA diterima di khalayak umum. Beliau yang mengetahui diri menghidapi

penyakit itu 10 tahun lalu menganggap penyakit itu sebagai kekuatan untuknya berkongsi dan mendidik masyarakat.

Tujuannya hanya satu iaitu taboo masyarakat mengenai virus HIV dan OHDA dapat dikikis.

Mengimbas kembali tarikh keramat 10 Mac 2001, beliau mengakui ingin menamatkan riwayatnya ketika itu sebaik dimaklumkan Pusat

Darah Negara mengenai penyakitnya selepas menderma darah.

"Seminggu selepas saya menderma darah, Pusat Darah Negara menelefon saya untuk datang berjumpa doktor dan pakar di situ. Ketika itu pelbagai perkara bermain di minda tetapi saya positif kerana percaya diri saya bebas daripada sebarang penyakit.

"Sejujurnya tidak terlintas langsung virus HIV akan menjadi sebahagian daripada hidup saya. Ketika doktor memberikan saya sampul dan membukanya, barulah saya tahu," katanya.

Mohamad Raffie berkata, hanya satu impiannya ketika itu iaitu mahu mati tetapi selepas diberikan kaunseling dan reda dengan takdir Allah, beliau meneruskan

kehidupan seperti biasa malah bersyukur kerana keluarga turut menerima dirinya.

"Saya sudah penat dihina. Pernah dulu saya menganggap diri ini terlalu malang tetapi lebih ramai OHDA yang lebih malang berbanding saya. Saya bertuah kerana keluarga adalah kumpulan sokongan yang penting dan menjadi

nadi kekuatan untuk saya meneruskan kehidupan," katanya.

Di akhir perbualan, beliau berharap masyarakat dapat menerima golongan sepertinya dan jika perkara itu disambut baik oleh masyarakat, ia mampu menjadi kekuatan untuk mereka meneruskan hidup sebagai OHDA.

Headline	Kemelut penghidap HIV AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	18,19	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,151
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,453

